


Mengenal Pasti Garis Mengufuk, Sudut Dongakan & Sudut Tunduk


Sudut dongakan (angle of elevation) ialah sudut di antara garis mengufuk (horizontal line) yang melalui mata pencerap dengan garis lurus yang menyambungkan mata pencerap dengan objek yang berada di sebelah atas garis mengufuk itu.



Sudut tunduk (angle of depression) ialah sudut di antara garis mengufuk (horizontal line) yang melalui mata pencerap dengan garis lurus yang menyambungkan mata pencerap dengan objek yang berada di **sebelah bawah garis mengufuk itu**.



Contoh



Berdasarkan gambar rajah di atas, kenal pasti garis mengufuk, sudut dongakan, dan sudut tunduk bagi situasi tersebut.

Penyelesaian:

- Garis mengufuk ialah PQ.
- Sudut dongakan kapal terbang R dari P ialah sudut QPR.
- Sudut tunduk kapal layar S dari P ialah sudut QPS.